

# Profail Mahathir

KHAMIS 16 Julai, 1981, Mahathir bin Mohamad mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat di depan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.

Pada 5 Ogos depan, Mahathir bin Mohamad akan merayakan jubli perak sempena ulang tahun yang ke 25 perkahwinannya dengan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Pada 20 Disember pula, anak Kedah itu akan menyambut hari lahirnya yang ke 56 dan yang pertama sebagai Perdana Menteri.

Walaupun tarikh lahirnya diberikan sebagai 20 Disember 1925, Mahathir sebenarnya dilahirkan kira-kira enam bulan lebih awal di Nombor 18 Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Setar.

Bapanya, Mohamad bin Iskandar kononnya sengaja melewati tarikh pendaftaran lahir anak bungunya itu untuk "mencuri umur" bersekolah.

Sebagai anak bungsu dari sembilan orang adik beradik (lima lelaki dan tiga perempuan), Mahathir menjadi kesayangan ibunya, Wan Tempawan binti Wan Hanafi.

Mahathir mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak dan kemudian di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar di mana beliau tamat pelajaran menengah di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan.

Pada tahun 1948, Mahathir melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine, Universiti Malaya, Singapura dan lulus dengan ijazah MBBS pada tahun 1953.

Setelah lulus, Mahathir bertugas sebagai doktor pelatih di Hospital Besar Pulau Pinang. Pada tahun 1954 beliau dilantik menjadi pegawai perubatan di Hospital Besar Alor Setar dan pernah bertugas di Pulau Langkawi, Jitra dan Perlis.

Mahathir meninggalkan perkhidmatan perubatan pada tahun 1957 dan membuka kliniknya sendiri yang dikenali sebagai MAHA Klinik, mula-mula di Jalan Tunku Ibrahim dan kemudian berpindah ke Pekan Melayu, Alor Setar.

Mahathir merupakan anak Melayu yang pertama membuka klinik sendiri di Alor Setar ketika itu yang cuma mempunyai lima buah klinik sahaja.

Penglibatannya dalam politik bermula pada tahun 1945 bila Mahathir bergerak cergas dalam beberapa kesatuan, antaranya Seberkas, Kesatuan Pemuda Melayu Kedah dan akhirnya dalam UMNO.

Beliau mula-mula sekali bertanding dan menang dalam pilihanraya umum pada tahun 1964 sebagai calon Perikatan bagi kawasan Parlimen Kota Setar Selatan.

Bagaimanapun beliau tewas di kawasan yang sama dalam pilihanraya 1969.

Mahathir dipecat dari UMNO selepas peristiwa 13 Mei 1969, tetapi diterima balik pada tahun 1972.

Selepas pulang semula ke pangkuan UMNO, Mahathir dilantik menjadi ahli Dewan Negara pada tahun 1973. Menjelang pilihanraya 1974, beliau telah meletakkan jawatan ini untuk bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu atas tiket Barisan Nasional. Beliau menang tanpa bertanding.

Berikutan kemenangan ini, Mahathir dilantik menjadi Menteri Pelajaran oleh Tun Abdul Razak pada 6 Oktober 1974.

Setelah kematian Tun Abdul Razak dan Datuk Hussein menjadi Perdana Menteri, beliau melantik Mahathir sebagai timbalannya pada 5 Mac 1976. Portfolio Pelajaran terus dipegangnya. Dalam rombakan kabinet 1 Januari 1978, beliau diberikan Portfolio Perdagangan dan Perindustrian.

Ketika dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Mahathir merupakan Naib Presiden UMNO yang ketiga selepas Ghafar Baba dan Tengku Razaleigh Hamzah. Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang berikutnya, Mahathir memenangi jawatan Timbalan Presiden tanpa bertanding, dan dalam perhimpunan yang baru lalu, beliau menjadi Presiden, juga tanpa bertanding.

Mahathir yang mempunyai lima orang cahaya-mata sangat gemar menulis. Setakat ini beliau telah melahirkan tiga buah buku "The Malay Dilemma" yang masih diharamkan, Panduan Peniaga Kecil dan Warisan Kepimpinan.